

Asean perlu atasi halangan dagangan

7 JUL 2002
Daripada MANJA ISMAIL

BANGKOK: Asean perlu memberi lebih perhatian kepada usaha mengatasi halangan prosedur perdagangan yang sering dihadapi masyarakat perniagaan negara anggota jika mahu mencapai matlamat integrasi sepenuhnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun Asean sudah menangani pelbagai perkara berkaitan liberalisasi perdagangan, isu yang meningkatkan kos perniagaan seperti kelewatan pelepasan kastam, penyeragaman produk, pelarasan peraturan serta ketelusan dalam prosedur dan kelulusan harus diberi keutamaan.

Beliau berkata, masyarakat perniagaan sering menghadapi halangan prosedur dan peraturan itu sehingga menyulitkan

dahkan pelbagai masalah dan kelemahan yang tidak dijangka sebelum itu dan memerlukan penilaian semula. Bagi menghadapi suasana baru itu, lebih banyak tolak ansur diperlukan.

"Apa yang Malaysia perlu untuk menangani masalah kesan selepas krisis 1997 dan kelemahan ekonomi ialah sedikit tempoh bertenang dalam pemindahan produk kereta motor ke dalam skim Tarif Keutamaan Efektif Bersama (CEPT)," katanya.

Sehingga kini, Malaysia sudah memenuhi 10,039 tarif produk di bawah CEPT untuk Afta atau 96.6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Daripada jumlah

mana-mana inisiatif tarif liberalisasi.

Sehubungan itu, katanya, Asean perlu memperluas dan memperkukuhkan kerjasama untuk mengatasi halangan itu ketika ia berusaha mewujudkan satu pasaran lebih besar dengan pembentukan jalinan ekonomi yang lebih rapat dengan negara lain.

"Asean perlu mewujudkan suasana yang sesuai bagi memastikan perniagaan di rantau ini berdaya saing," katanya berucap di jamuan tengah hari anjuran Jawatankuasa Tetap Perdagangan, Industri dan Perbankan Thailand serta Jawatankuasa Penaja Dewan Perdagangan Malaysia-Thai, di sini semalam.

Beliau yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Thailand turut melancarkan Dewan Perdagangan Malaysia-Thai selepas itu. Penubuhan dewan itu

itu, 9,117 tarif (90.82 peratus) membabitkan cukai antara 0 hingga lima peratus. "Malah, cukai bagi 6,048 produk atau 60.25 peratus sudah dihapuskan sepenuhnya.

Ini adalah satu pencapaian yang ketara berbanding rantau lain. Lebih penting lagi ialah matlamat ini tercapai sebelum jangka masa yang ditetapkan," katanya.

Mengenai kerjasama perdagangan Malaysia-Thai, Perdana Menteri berkata usaha sedang dibuat oleh kedua-dua negara untuk mewujudkan perjanjian akaun perdagangan sebagai satu mekanisme tambahan untuk masyarakat perniagaan masing-

diusahakan tahun lalu oleh sekumpulan ahli perniagaan kedua-dua negara dengan sokongan Kedutaan Malaysia dan Pejabat Perdagangan Malaysia di sini.

Dr Mahathir juga mengulangi jaminan Malaysia bahawa ia komited sepenuhnya untuk memenuhi tanggungjawabnya dalam menjayakan Perjanjian Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Sambil mengakui komitmen Malaysia terhadap Afta sering disalah anggap dan dipersoalkan termasuk di Thailand, beliau menjelaskan, sejak ia dilancarkan 10 tahun lalu, rantau ini mengalami pelbagai perubahan. Krisis kewangan Asia mende-

masing apabila mereka berdagang dengan menggunakan mata wang sendiri.

Dr Mahathir yang tiba dari Chiang Mai selepas itu mengetuai delegasi Malaysia untuk mengadakan rundingan dua hala dengan kerajaan Thai. Turut menyertai delegasi Malaysia ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi dan Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Marican.

Sementara itu, ketika berucap di jamuan rasmi dihoskan oleh Perdana Menteri Thailand,

Thaksin Shinawatra malam

tadi, Perdana Menteri berkata Negara ini terus menjadi rakan dagang yang penting bagi Malaysia. Malaysia ialah rakan dagang Thailand kelima terbesar, keenam dari segi pasaran eksport dan pembekal keempat terbesar kepada negara ini. Jumlah dagangan antara kedua-dua negara meningkat daripada AS\$4.6 bilion pada 1995 kepada AS\$6.7 bilion pada 2000.

"Walaupun dagangan jatuh sedikit kepada AS\$6.2 bilion tahun lalu, prospek untuk meningkat pada masa depan adalah cerah kerana mengenal pasti pelbagai kerjasama yang baru," katanya.